

# Al-Quran tetap terpelihara

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI 25)

### FIRMAN ALLAH SWT YANG

**BERMAKSUD:** *Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal (kebinasaan yang telah menimpa) kaum-kaum yang menentang (Rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka)? (Mereka itu ialah kaum) Firaun, dan Thamud (kaum Nabi soleh). (Kaummu wahai Muhammad, bukan sahaja menolak ajaranmu), bahkan orang-orang yang kafir itu terus tenggelam dalam keadaan mendustakan kebenaran, sedang Allah, dari belakang mereka, melingkungi mereka (dengan kekuasaan-Nya)! (Sebenarnya apa yang Engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah al-Quran yang tertinggi kemuliaannya, (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Lauh Mahfuz. (al-Buruj: 17-22)*

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI

**S**HEIKH al-Maraghi berkata: "Setelah Allah SWT menerangkan kisah dan keadaan Ashab al-Ukhduh dan menggambarkan bagaimana mereka menganiayai

orang-orang yang beriman, seterusnya Allah SWT menyambung dengan keterangan tentang perilaku orang kafir pada setiap masa dan tingkah laku mereka terhadap para nabi dan sahabat-sahabatnya seperti cara ini. Iaitu mereka menyiksa orang-orang yang beriman dan selalu memusuhi mereka. Allah SWT tidak mengutuskan seorang nabi melainkan pasti menghadapi kaumnya seperti yang dialami nabi-nabi dahulu dengan kaumnya. Tujuan kisah ini adalah untuk menghiburkan hati Nabi SAW dan para sahabat baginda, meneguhkan kemahuan mereka bersabar menghadapi tentangan. Dan memberitahu bahawa kaumnya yang kafir akan menggagalnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh para penguasa yang mempunyai tentera seperti Firaun dan Thamud.

Firman Allah SWT: *Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal (kebinasaan yang telah menimpa) kaum-kaum yang menentang (Rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka)?*

Sheikh al-Maraghi berkata: "Ayat ini bermaksud bahawa berita mereka itu sudah sampai kepadamu dan engkau tahu apa yang engkau perbuat dan bagaimana seksaan Tuhanmu kepada mereka.

"Justeru, peringatkanlah kaummu terhadap hari-hari seksaan Allah SWT dan berilah kepada mereka ancaman bahawa mereka akan menerima seksaan orang dahulu yang sesat."

Firman Allah SWT: *(Dan Mereka itu ialah kaum) Firaun, dan Thamud (kaum*

*Nabi Soleh).*

Syed Qutub berkata: "Kebinasaan kaum-kaum itu merupakan dua kebinasaan yang berlainan dari segi bentuk dan kesannya, dan menyembunyikan di sebalik keduanya cahaya-cahaya yang jauh bersama peristiwa parit api itu. Pada akhirnya, dijelaskan kedudukan orang-orang kafir dan kepungan Allah yang ketat terhadap mereka, sedangkan mereka tidak sedar.

Firman Allah SWT: *(Kaummu Wahai Muhammad, bukan sahaja menolak ajaranmu), bahkan orang-orang yang kafir itu terus tenggelam dalam keadaan mendustakan kebenaran, sedang Allah, dari belakang mereka, melingkungi mereka (dengan kekuasaan-Nya)!*

Ibnu Kathir berkata: "Maksudnya mereka selalu dalam keraguan, kekufuran dan pembangkangan. Seterusnya beliau berkata lagi: "Yakni Dia berkuasa atas mereka, Maha Perkasa, tidak ada yang dapat terlepas dari seksaan-Nya, serta mereka tidak juga dapat membuat-Nya lemah.

Firman Allah SWT: *(Sebenarnya apa yang Engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah al-Quran yang tertinggi kemuliaannya, (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Lauh Mahfuz.*

Syed Qutub berkata: "Adakah lagi yang lebih mulia, lebih tinggi dan lebih luhur dari ayat Allah yang Maha Besar? Al-Quran itu tertulis di Luh Mahfuz. Kita tidak tahu hakikat Luh Mahfuz,

kerana ia dari urusan alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja".

Kita hanya dapat memahami dari bayangan ayat ini dan daripada ilham yang ditinggalkan dalam hati kita bahawa al-Quran tetap dipelihara kukuh. Keterangannya merupakan sumber rujukan muktamad dala segala perkara yang dibicarakannya.

Segala kata-kata yang lain akan hilang, hanya ayat-ayat al-Quran sahaja yang terkawal dan terpelihara. Al-Quran telah pun memberi penjelasannya tentang peristiwa parit api dan hakikat yang wujud di sebaliknya, dan penjelasan itu merupakan penjelasan yang muktamad.

## Penutup

Sheikh al-Maraghi berkata: Kandungan yang terdapat dalam surah ini:

1. Menyatakan kebesaran Allah SWT dan keagungan sifat-Nya.
2. Allah SWT membinasakan orang yang derhaka pada setiap saat. Apalagi orang yang menyiksa orang mukmin, sama ada lelaki mahupun perempuan.

Semoga kita menjadi orang yang benar-benar beriman serta dapat menghayatinya hingga kita menemui Tuhan yang Maha Esa. Amin.